

MAKLUMAT INOVASI 2016


Nama Ketua Kumpulan :	Mat Termizi Bin Hussin
Jawatan dan Gred :	Penolong Pegawai Veterinar G27
Alamat	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak, Jln Sultan Azlan Shah (U), 31400 Ipoh, Perak
No. Telefon	05 5459111/122/133 (PEJ) 0125861552 (HP)
No Faks	05 5472561
E-mail	mizihussin@yahoo.com

Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred:

BIL

NAMA AHLI

1. En. Syamsul Arifin Bin Abd Arif
2. Tn. Hj. Isa Bin Abdullah Sani
3. En. Esdy Azif Bin Abd Rani
4. En. Megat Izudin Bin Megat MK
5. En. Ahmad Husaini Bin Saidin
6. En. Muhammad Azizul Bin Abdul Wahab



1. KETERANGAN INOVASI

Tajuk inovasi
PENGENDALIAN DAN PROSES RAWATAN KUCING DI KLINIK VETERINAR MENGAMBIL MASA LAMA
Ringkasan Inovasi
<p>Pengendalian kucing merupakan aspek penting memastikan rawatan dilakukan mengikut SOP. Kelewatan memberi rawatan menimbulkan ketidakpuasan hati pelanggan. Kes-kes kecederaan kepada kakitangan, pemilik dan kucing menjadi faktor kepada kelewatan proses rawatan dan mengganggu tugas kakitangan yang terlibat. Sangkar rawatan V-Cage dicipta bagi mengatasi masalah tersebut. Ianya kurungan kucing yang diinovasikan dengan kelebihan mengepit kucing tanpa dikeluarkan dari kurungannya. Ringkas dan memudahkan proses pengendalian, mengurangkan risiko kecederaan dan meminimalkan tempoh rawatan. Ia jawapan kepada masalah yang berlaku di Klinik Veterinar di Negeri Perak.</p>
Latarbelakang
<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak adalah agensi yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan berkenaan kesihatan dan kebajikan haiwan. Ia turut menawarkan kemudahan klinik veterinar sebagai alternatif kepada pelanggan yang memerlukan rawatan untuk haiwan kesayangan seperti kucing dan anjing. Kaedah pengendalian yang betul sebelum rawatan merupakan aspek penting dalam memastikan proses rawatan dilakukan dengan sempurna dan mengikut prosedur operasi yang piawai. Seringkali kes-kes kecederaan kepada kakitangan dan pemilik, kematian kucing, kucing melarikan diri dan gangguan emosi menjadi faktor kepada kelewatan proses rawatan dan mengganggu tugas kakitangan yang terlibat. Kaedah lama, pengendalian kucing dilakukan dengan tangan dan kain pelapik jika kucing yang garang dan suka menggigit dan mencakar. Dua tenaga manusia diperlukan untuk mengekang dan pada masa sama menjalankan rawatan/suntikan pada kucing tersebut. Tiada peralatan mengekang kucing khusus untuk memudahkan kakitangan. Sifat kucing suka mencakar, menggigit dan memanjat. Kecuaian dan petugas yang kurang pengalaman. Proses rawatan yang menyebabkan haiwan dan petugas menjadi tertekan. Bagi mengatasi masalah tersebut, inovasi sangkar rawatan dicipta dan digunakan dengan memasukkan kucing ke dalam sangkar dan penutup sangkar digunakan sebagai pengepit kucing dengan getah pelapik untuk memastikan kucing selesa dan mudah</p>

dikekang tanpa dicakar dan digigit. Dengan ini proses rawatan/suntikan dapat dilakukan dengan mudah dan cepat.

Penjelasan inovasi

Kumpulan KIK Viper telah merekacipta satu alat khas yang mudah dan sistematik bagi mengatasi masalah tersebut iaitu sangkar rawatan berpengepit yang dinamakan V-Cage. Ianya merupakan kurungan kucing yang diinovasikan dengan kelebihan penutup yang boleh digunakan untuk mengepit kucing tanpa dikeluarkan dari kurungannya semasa menjalankan pemeriksaan dan rawatan. Ianya ringkas dan memudahkan proses pengendalian dan mengekang kucing tanpa mencederakan dan mengambil masa yang lebih cepat.

Faedah inovasi

- Menjimatkan Kos Ubat/Suntikan Pelalihan & Masa Merawat
- Memudahkan proses rawatan
- Mengelakkan Kecederaan dan Kemalangan Pada Kakitangan dan Pelanggan
- Mengelakkan kecederaan dan ematian pada kucing
- Meningkatkan "Delivery System"
- Memudahkan pemilik kucing mengendalikan kucing
- Menggunakan bahan/material ringan, mesra alam dan mesra pengguna.
- Menjaga kebajikan kucing.
- Boleh diaplikasikan dengan haiwan lain yang bersaiz sederhana seperti kucing seperti rakun, kucing batu, musang, arnab dan sebagainya.
- Boleh digunakan oleh pihak Zoo, Taman Tema, Pusat Konservasi, Klinik Haiwan Persendirian dan juga individu.